

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN (JULAU)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah rancangan
komprehensif Kementerian untuk menjadikan servis perkhidmatan
e-hailing teksi motosikal sebagai salah sebuah pelengkap perkhidmatan
awam yang baharu di negara ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan teksi dan *e-hailing* adalah merupakan salah satu perkhidmatan pelengkap kepada jaringan pengangkutan awam darat pada peringkat perjalanan batuan pertama dan akhiran. Sesuai dengan arus perubahan teknologi semasa, perkhidmatan *e-hailing* telah menyediakan liputan perkhidmatan yang meluas dan dapat memenuhi permintaan dan keperluan pengangkutan pelanggan dengan baik. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah membenarkan perkhidmatan teksi konvensional untuk menyediakan perkhidmatan menerusi platform *e-hailing* bagi memastikan perkhidmatan ini terus berdaya saing tinggi seterusnya menyediakan perkhidmatan yang dikehendaki oleh pengguna. Didapati kedua-dua perkhidmatan ini masih mempunyai potensi yang besar untuk ditambahbaik dari aspek kualiti perkhidmatannya, selamat kepada pengguna dan boleh diperluaskan di setiap pelusuk negara bukan sahaja tertumpu kepada bandar-bandar bagi memenuhi keperluan pengangkutan penduduk tempatan.

Oleh yang demikian, pada masa ini, Kementerian Pengangkutan tiada mempunyai sebarang perancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan *e-hailing* atau teksi motosikal mengambil kira pelbagai aspek terutamanya isu keselamatan dan kebajikan penumpang. Hal ini mengambil kira bahawa risiko nahas jalan raya termasuk kematian atau kecederaan adalah amat tinggi melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal di Malaysia. Selain itu, isu-isu melibatkan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan jalan juga menjadi satu perkara yang perlu diberi perhatian yang serius dikalangan pengguna motosikal sedia ada. Kementerian akan meneruskan kajian secara berterusan bagi menilai semua aspek berkaitan perkhidmatan ini sebelum sebarang hala tuju mengenai perkara ini dipertimbangkan kelak.

Sekian, terima kasih.